

UAE SEDIAKAN BANTUAN BANJIR UNTUK 7,000 KELUARGA DI PAHANG

KUANTAN, 12 JANUARI 2021 : Emiriah Arab Bersatu (UAE) menerusi Persatuan Bulan Sabit Merah UAE menyediakan bantuan banjir kepada 7,000 keluarga mangsa di seluruh negeri Pahang.

Menteri Besar Pahang, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Kerajaan Negeri Pahang sangat mengalu-alukan bantuan daripada negara itu terutama dalam usaha membantu kesemua banjir di negeri ini dengan jumlah puluhan ribu mangsa.

"Bantuan seumpama ini bukanlah dilakukan buat pertama kali malah kita sangat mengalu-alukan bantuan yang ingin diberikan bagi meringankan beban mangsa kerana ini merupakan situasi yang sangat menyayat hati dengan mengalami banyak kerugian.

"Jadi dengan kehadiran enam wakil UAE ini membawa bantuan adalah sangat dihargai dan terima kasih serta saya berharap hubungan baik antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan UAE akan berterusan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meraikan kunjungan Persatuan Bulan Sabit Merah Emiriah Arab Bersatu (UAE) di Hotel Zenith, di sini, malam tadi.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Hajah Shahaniza Shamsuddin; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pelajaran Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad; YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak dan Ketua Polis Pahang, YDH. CP Dato' Sri Abd Jalil Hassan.

Sementara itu, Ketua Delegasi yang juga Pengarah Program Bantuan, En. Mohammad Aljunaibi berkata, pihaknya akan melawat ke lapan daerah yang terlibat banjir di Pahang dengan membawa pelbagai bantuan termasuklah keperluan barang makanan, tilam dan selimut.

“Bantuan ini akan diberikan secara berperingkat di mana peringkat awal ini kami akan mengagihkan bantuan makanan, tilam dan selimut kepada 7,000 keluarga yang menjadi mangsa banjir di samping mengenal pasti keperluan lain yang diperlukan mangsa.

“Peringkat bantuan seterusnya akan diberikan mengikut keperluan mangsa banjir yang telah dikenal pasti pada peringkat pertama ini,” katanya.

Sehingga kini, Pahang mencatatkan seramai 16,255 mangsa daripada 4,474 keluarga dan sebanyak 147 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang masih dibuka di lapan daerah. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh : Fansurina Abdullah

Foto : Muhammad Muslimi Abd Rahim

(LIPUTAN BERGAMBAR)



 PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI



 PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI

